

# Penyata tahunan wajar ada laporan alam sekitar

BH 23 FEB 2000

KUALA LUMPUR. Selasa - Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menggalakkan industri tempatan menyediakan laporan alam sekitar dalam laporan kewangan tahunan mereka.

Sehubungan itu, Menteri, Datuk Law Heing Ding berkata, sektor industri perlu membangun dan meningkatkan sistem yang mementingkan alam sekitar dalam semua operasinya.

Katanya, ini kerana sistem berkenaan sudah dijalankan oleh sektor industri di peringkat antarabangsa.

"Di peringkat antarabangsa sektor perindustrian diminta melaporkan dasar, matlamat dan program alam sekitar yang dijalankan oleh mereka bagi menyalurkan maklumat kepada pengguna," katanya

kepada pemberita selepas Mailis Penyampaian Anugerah Hibiscus Perdana Menteri di Hotel Palace of The Golden Horses dekat sini, hari ini.

Law berkata, di peringkat antarabangsa, pelabur juga memerlukan maklumat yang lengkap mengenai alam sekitar bagi mengelak kerugian kerana terpaksa mengeluarkan perbelanjaan yang besar untuk alam sekitar.

Katanya, di luar negara, pihak bank juga meminta maklumat mengenai laporan alam sekitar industri, sebelum sebarang pinjaman diluluskan kepada syarikat terbabit.

"Orang ramai juga ingin mengetahui maklumat alam sekitar itu untuk menilai komitmen syarikat terbabit kepada masyarakat," katanya.